



## SIARAN AKHBAR

### **TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA PEMBUKAAN 18<sup>th</sup> CHINA-ASEAN EXPO (CAEXPO)**

***Bandar Seri Begawan, Jumaat, 10 September 2021***

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2021, dijunjung untuk menyampaikan titah khas menerusi video rakaman semasa Majlis Pembukaan 18<sup>th</sup> CAEXPO di Nanning, Republik Rakyat China pada 10 September 2021.

Pemimpin-pemimpin dari Negara-Negara Anggota ASEAN dan Republik Islam Pakistan juga menyampaikan ucapan menerusi video rakaman semasa Majlis Pembukaan 18<sup>th</sup> CAEXPO di Nanning.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyatakan bahawa tahun ini merupakan tonggak sejarah hubungan dengan Republik Rakyat China bagi menandakan ulang tahun ke-30 hubungan dialog ASEAN-China, dan juga ulang tahun ke-30 jalinan hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Meskipun pandemik COVID-19 masih berterusan dan memberikan kesan kepada aktiviti perekenomian di seluruh dunia, Baginda menyatakan bahawa ASEAN dan China mencatatkan peningkatan jumlah perdagangan barang dagangan pada tahun 2020, mempertahankan kedudukan China sebagai rakan dagang nombor satu ASEAN. Penekanan pertalian ekonomi dan perniagaan yang kukuh mempamerkan hubungan lama antara ASEAN dan China.

Baginda seterusnya menyatakan bahawa BRI (*Belt and Road Initiative*) adalah pelan yang signifikan bagi meningkatkan hubungan serantau untuk menyatupadukan negara-negara. BRI dapat memberikan peluang bagi negara-negara untuk bekerjasama di pelbagai bidang dan menerusi platform sub-serantau seperti BIMP-EAGA, akan dapat menyumbang kepada revitalisasi ekonomi negara secara inklusif.

Lapan belas tahun semenjak ianya diperkenalkan, CAEXPO terus menjadi platform penting untuk mempromosi perdagangan, pelaburan, pelancongan dan mengukuhkan hubungan ekonomi antara ASEAN dan China.



Sebelum mengakhiri titah, Baginda berkeyakinan acara-acara seperti ini dapat terus menjadikan China sebuah destinasi yang menarik bagi pengeksporan produk-produk ASEAN dan membantu meningkatkan hubungan perdagangan dan mengekalkan posisi China sebagai rakan dagang nombor satu ASEAN.

CAEXPO yang ke-18 tahun ini diadakan dari 10 hingga 13 September 2021. Tema ekspo pada tahun ini ialah "*Advancing Quality Belt and Road Initiative (BRI) Cooperation, Promoting Sustainable Development*". CAEXPO telah mewujudkan platform pertukaran yang cekap dan pragmatik bagi China dan negara-negara ASEAN untuk berkerjasama di dalam beberapa bidang tertentu yang berdasarkan kepada keutamaan pembangunan yang strategik menerusi persidangan dan forum peringkat yang tinggi. Di sepanjang 17 tahun yang lalu, lebih daripada 200 forum dan persidangan peringkat tinggi telah diadakan secara sampingan, membincangkan pelbagai bidang penting dalam strategi pembangunan China dan negara-negara ASEAN.

***KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI***

Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan BB3910  
Negara Brunei Darussalam

3 Safar 1443  
10 September 2021



## **PRESS RELEASE**

### **HIS MAJESTY THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM ADDRESSES THE OPENING CEREMONY OF THE 18<sup>TH</sup> CHINA-ASEAN EXPO (CAEXPO)**

***Bandar Seri Begawan, Friday, 10 September 2021***

His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam as the Chair of ASEAN for 2021 delivered titah at the Opening Ceremony of the 18<sup>th</sup> CAEXPO in Nanning, People's Republic of China on 10<sup>th</sup> September 2021 via video recording.

Also invited to deliver speech at the Opening Ceremony were Leaders from ASEAN Member States and Pakistan.

His Majesty in his titah noted that this year's expo bears special significance as Brunei Darussalam and the People's Republic of China celebrate the 30<sup>th</sup> anniversary of the ASEAN-China dialogue relations and a key milestone for Brunei Darussalam as Brunei Darussalam commemorate the 30<sup>th</sup> year of the establishment of diplomatic relations with The People's Republic of China.

Despite the ongoing pandemic that has disrupted economic activities all over the world, His Majesty is encouraged to note that ASEAN and China registered an increase in total merchandise trade in 2020, maintaining China's position as ASEAN's number one trading partner. This underscored the strong economic ties and business linkages that characterised the long-standing relationship between ASEAN and China.

His Majesty said that the BRI (Belt and Road Initiative) is a significant plan that would enhance regional connectivity to bring countries closer together. It could also present opportunities for countries to work together in many areas and through sub-regional fora such as BIMP-EAGA, which would further contribute to the inclusive revitalization of their economies.

Eighteen years since the introduction of the CAEXPO, the event continues to be an important platform for the promotion of trade, investment, tourism and further strengthening of economic ties between ASEAN and China.



In closing the titah, His Majesty is confident that these events would continue to make China an attractive export destination for ASEAN products and help further boost trade relation and maintain China's position as one of ASEAN's top trading partner.

The 18<sup>th</sup> CAEXPO will be held from 10<sup>th</sup> to 13<sup>th</sup> September 2021. The theme of this year's Expo was "Advancing Quality Belt and Road Initiative (BRI) Cooperation, Promoting Sustainable Development". CAEXPO has established an efficient and pragmatic exchange platform for China and ASEAN countries to carry out cooperation in specific areas centering on strategic development priorities through high-level conferences and forums. Over the past 17 years, more than 200 high-level forums and conferences have been held on the sidelines, covering many key areas in the development strategies of China and ASEAN countries.

***MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY***

Ministry of Finance and Economy  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan BB3910  
Brunei Darussalam

3 Safar 1443  
10 September 2021